

# EIA FOR THE PROPOSED SCHEDULED WASTE & SOLID WASTE RECOVERY PLANT ON LOT 7090, LORONG PERINDUSTRIAN BUKIT MINYAK 16, KAWASAN PERINDUSTRIAN BUKIT MINYAK, SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG

EIA Aktiviti yang ditetapkan 14a(i): Pengolahan & Pelupusan Buangan – Buangan Terjadual: Pembinaan loji pulih guna (luar tapak)

EIA Aktiviti yang ditetapkan 14b(ii): Pengolahan & Pelupusan Buangan – Sisa Pepejal: Pembinaan loji pulih guna atau loji kitar semula

Pemaju projek: Jie Yu Metal Sdn Bhd.  
Perunidng EIA: Greenwich Environment Sdn Bhd.  
Ahli-ahli perunding EIA: Hung Yee Hon (CEP-C0092), Nikki Wong Foong Mei (CEP-C0020)

## Konsep Projek

Pulih guna buangan terjadual & sisa pepejal dengan jumlah kapasiti 959 MT/bln dan 1,110 MT/bln masing-masing, di Kawasan Perindustrian Bukit Minyak. Produk yang dipulih termasuk logam berharga, dram bersih dan beg / kain bersih

Lot industri sedia ada (Lot 7090) dengan bangunan kilang (1.5026ha).



Penerima sensitif terdekat: Tmn Seri Juru (670m).



Condo Lembah Indah (1.4km).



## Keperluan Projek

Kitar semula buangan secara efisien & mesra alam

Membantu penggunaan semula & pengurangan buangan

Mempromosikan penggunaan semula buangan di rantau ini

Menyokong kempen kitar semula & penggunaan semula Kerajaan

Membolehkan peningkatan perniagaan sampingan


## PERIHALAN PROJEK

**Punca Buangan:** industri-industri tempatan.

**Kriteria Penerimaan Buangan:**

Deskripsi	Kriteria Penerimaan Buangan
<b>Sekerap logam</b>	Sekerap logam dengan <20% kekotoran dan tidak tercemar dengan minyak, pelarut atau bahan kimia di permukaannya.
<b>SW104</b>	Dros mengandungi kuprum, perak, aluminium, stannum dan zink. Dros kuprum mengandungi 10-30% kuprum. Dros perak mengandungi 5-20% perak. Dros aluminium mengandungi 10-35% aluminium. Dros stannum mengandungi 30-90% stannum. Dros zink mengandungi 10-30% zink
<b>SW110</b>	Semua jenis PCB, Papan Induk dan Pemproses yang mengandungi >17% kuprum dan logam lain.
<b>SW204</b>	Enapcemar mengandungi >40% oksida kuprum atau oksida nikel.
<b>SW325</b>	Pes epoksi pateri mengandungi perak, zink dan emas dengan <4% kekotoran.
<b>SW409</b>	Dram logam, bekas plastik tercemar dengan minyak, penyejuk, asid atau alkali.
<b>SW410</b>	Kain dan beg tercemar dengan minyak, penyejuk, asid atau alkali.
<b>SW422</b>	Sekerap logam tercemar dengan <2% penyejuk atau minyak atau kedua-duanya.
<b>SW422</b>	Wayar kuprum dengan penebat yang tidak tercemar dengan minyak, pelarut atau bahan kimia di permukaannya.

## Pelan Susunatur



## Perihal Proses

- Sekerap logam – peleburan atau pengilapan atau pemadatan.
- SW104 – pengasingan magnetik & peleburan.
- SW110 – *tumbler*, penghancuran, pengasingan air & peleburan.
- SW204 – pengeringan & peleburan
- SW325 – pemanasan
- SW409 – bilas & pengeringan udara
- SW410 – bilas, pengeringan udara & pembasuhan
- SW422 – berputar untuk mengasingkan minyak / penyejuk & peleburan

## PERSEKITARAN SEDIADA

**Guna Tanah** – industri di dalam lingkungan 500m. Penerima sensitif terdekat adalah Tmn Seri Juru (670m sebelah barat-laut dari tapak projek).

### Sistem Penyaluran

Sistem penyaluran di kawasan perindustrian → Parit Tok Subuh → Sg Junjung → Sg Jawi → Selat Pulau Pinang

Tiada takat pengambilan air di hilir

### KAJIAN GARIS DASAR

Komponen	Parameter
Kualiti air perparitan	Parameter Standard B
Kualiti udara persekitaran	PM10, PM2.5, NO <sub>2</sub> , SO <sub>2</sub> , HCl, Cl <sub>2</sub> , H <sub>2</sub> SO <sub>4</sub> and HNO <sub>3</sub>
Kualiti bunyi bising persekitaran	L <sub>eq</sub> , L <sub>90</sub> , L <sub>10</sub> , L <sub>max</sub> , L <sub>min</sub>



### KEPUTUSAN

**Kualiti Air Perparitan:** W1 & W2 dikategori sebagai 'sedikit tercemar' manakala W3 dikategori sebagai 'tercemar'.

**Kualiti Udara:** Parameter PM10, PM2.5, NO<sub>2</sub>, SO<sub>2</sub> adalah di bawah had piawaian yang dicadangkan oleh Garispanduan Kualiti Udara bagi Malaysia. Hidrogen klorida adalah antara 1.67 hingga 2.83 mg/m<sup>3</sup> manakala gas klorin, asid sulfurik dan asid nitrik berada di bawah had pengesanan masing-masing

**Kualiti Bunyi:** Tahap bunyi purata (L<sub>eq</sub>) adalah di bawah had maksimum yang dibenarkan.

## PENILAIAN IMPAK

**Impak semasa Pembinaan:** Kesan yang tidak ketara kerana melibatkan pemasangan jentera sahaja dalam tempoh yang singkat.

**Impak semasa Operasi:**

Impak Berpotensi	Aktiviti Projek dan Punca Pencemaran	Magnitud Impak
Kualiti Udara	• Pelepasan dari proses pulih guna.	Minor
Kualiti Air	• Tumpahan tidak sengaja.	Minor
Pencemaran Bunyi	• Kebisingan operasi kilang. • Aktiviti pergerakan kenderaan.	Minor
Buangan Terjadual	• Residu terjana dari proses pulih guna.	Minor
Sosio-ekonomi	• Gangguan kepada penerima yang berhampiran.	Minor
Kejadian Bahaya & Risiko	• Operasi relau.	Minor

## PELAN PENGURUSAN ALAM SEKITAR

Kesedaran dan latihan

Belanjawan

Audit oleh parti ketiga

Pemantauan Ketika Fasa Operasi

Pemantauan Prestasi Pengumpul Habuk Siklon

Pemantauan Pematuhan Pelepasan Cerobong

Pemantauan Impak Udara Persekitaran Bunyi Persekitaran Kualiti Air Permukaan